

**AMALAN TERBAIK PENGETUA CEMERLANG DALAM MENINGKATKAN
MINAT MEMBACA PELAJAR****Zuridah Hanim Md. Akhir*, Mohd. Hasani Dali (PhD) &
Khaliza Saidin (PhD)**Pusat Pengajian Pendidikan & Bahasa Moden
Kolej Sastera & Sains
Universiti Utara Malaysia
Kedah

*zida165610@yahoo.com

ABSTRACT

This study aims to identify the best practices implemented by four Excellent Principals who have won wide recognition in reading activities. This qualitative research used purposive sampling. The sample consisted of four Excellent Principals and four State Educational Technology officers. Qualitative data was collected through semi-structured interviews and later analysed using the content analysis method. The ATLAS.ti software was used to determine the themes and subthemes, and to further answer the research questions. Murphy's Reading-based Leadership Function (2004) served as a theoretical framework. The study found that there were ten leading practices adopted by the principals, i.e. 1) emphasised reading as priority, 2) developed quality reading programmes, 3) created a reading environment, 4) established a comprehensive reading system, 5) believed that all students could read, 6) supported teachers to carry out activities, 7) developed leadership capacities, 8) implemented performance assessment and monitoring, 9) nurtured relationships with student and 10) held activities with PTA. Data also showed that all the principals involved in the study acted as problem solvers, were knowledgeable in reading, were the driving force behind the teachers and students as well as became their role models. Input from this study can be used as guidance for principals to implement reading programmes in schools more effectively. The researchers suggest that further in-depth study related to practices by principals to improve reading in schools be conducted using qualitative and quantitative approaches, especially in the context of the local education system in order to increase schoolchildren's interest in reading.

Keywords: *Best Practices; Excellent Principals Leadership; Reading Interest; Reading; School Principal Roles*

PENGENALAN

Sekolah merupakan institusi pendidikan kompleks yang diterajui oleh pengetua. Kajian-kajian mengenai sekolah efektif jelas menunjukkan bahawa kepimpinan pengetua merupakan indikator

keberkesanan sesebuah sekolah (Bickmore & Dowell, 2015; Crum, Sherman, & Myran, 2009; Hallinger, Bickman, & Davis, 2011; Hallinger & Murphy, 1985). Hal ini berlaku demikian kerana kepimpinan pengetua mampu memberi kesan kepada pencapaian murid (Karadag, Bektas, Çogaltay, & Yalcin, 2015) dan menggalakkan persekitaran pembelajaran (Rahimah Ahmad & Ghavifekr, 2014). Dalam konteks ini, pengetua berfungsi sebagai penggerak utama segala perubahan dan penentu hala tuju sesebuah sekolah. Selaras dengan sistem pendidikan yang bersifat dinamik dan kompleks, peranan pengetua turut berubah. Pengetua hari ini bukan sahaja melaksanakan fungsinya sebagai pemimpin instruksional, tetapi bidang tugas pengetua lebih kompleks dan berperanan sebagai penyelesaian masalah pendidikan di sekolah masing-masing.

Dalam membicarakan konteks kepimpinan sekolah, peranan pengetua sebagai peneraju dalam usaha sekolah merealisasikan aspirasi negara tidak boleh dikesampingkan. Dalam aspek ini, negara Malaysia telah menjadikan sekolah sebagai medan untuk melahirkan generasi yang holistik dari segi intelek dan komuniti yang berilmu serta bermaklumat menjelang tahun 2020 menerusi Falsafah Pendidikan Negara.

Bagi merealisasikan hasrat ini, amalan membaca perlu diterapkan di sekolah kerana membaca merupakan aspek utama kepada penerokaan ilmu pengetahuan (Annamalai & Muniandy, 2013; Cuevas, Russell, & Irving, 2012; Raja Abdullah Yaacob, 2011), asas pendidikan dan nadi pembelajaran sendiri (Busayo, 2011; Dai, 2013) dan alat untuk pembelajaran sepanjang hayat (Busayo, 2011; Chen, 2009; Azlin Norhaini Mansor, Mohd Sattar Rasul, Rose Amnah Abd Rauf, & Koh, 2012; Sullivan, 2010). Ini jelas menunjukkan kepentingan membaca, malah ayat Al-Quran yang pertama menerusi surah Al-‘Alaq menyeru manusia agar membaca.

Tambahan pula, pelajar yang terlibat sepenuhnya dengan program-program membaca merupakan pelajar yang cemerlang dan berjaya di sekolah (Irvin, Meltzer & Dukes, 2007; Heri Hidayat & Siti Aishah, 2013; Kim & Anderson, 2011; Azlin Norhaini Mansor et al., 2012; Murphy, 2004), mempunyai tahap pemikiran yang kritis serta mampu menganalisis dan menguasai sesuatu perkara dengan lebih baik berbanding rakan sebaya yang kurang membaca (Heri Hidayat & Siti Aishah, 2013). Selain itu, mata pelajaran di sekolah menengah seperti Sejarah, Sains, Bahasa serta mata pelajaran lain dalam bidang Sains Sosial memerlukan tahap kemahiran membaca yang tinggi (Torgesen, Houston, Rissman & Kosanovich, 2007). Lebih-lebih lagi, kemahiran membaca juga membolehkan pelajar menguasai kemahiran menulis (Annamalai & Muniandy, 2013; Bates, 2009; Guthrie, Wigfield, & VonSecker, 2000) dan mencapai tahap penguasaan bahasa yang baik (Azlin Norhaini Mansor et al., 2012). Kajian juga turut membuktikan bahawa penumpuan kepada penerokaan maklumat menerusi pembacaan memberi kesan positif kepada proses pembelajaran pelajar di dalam kelas (Haslinda Husaini & Shahrom T.M Sulaiman, 2011; Raja Abdullah Yaacob, 2011). Oleh itu, amalan membaca perlu diterapkan dalam kalangan pelajar dan sekolah dilihat sebagai tempat yang cukup signifikan dalam menyemai minat membaca ini.

Fakta membuktikan bahawa peningkatan pembacaan murid dan kepimpinan pengetua mempunyai perkaitan yang rapat. Kajian lalu jelas menunjukkan bahawa kepimpinan pengetua mampu meningkatkan tahap pembacaan pelajar (Spector & Jay, 2011) dan merupakan ejen perubahan mengatasi krisis amalan membaca yang berlaku di sekolah menengah (Ayers & Miller, 2009; Mohd Nazri Latif Azmi, 2013; Raja Abdullah Yaacob, 2011). Sehubungan dengan itu, dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan bidang tugas pengetua sebagai orang yang bertanggungjawab mempertingkatkan budaya membaca, menggalakkan percambahan fikiran, perkongsian maklumat, budaya ilmu serta memberi peluang kepada perkembangan potensi diri individu. Dasar Galakan Membaca Negara telah digubal oleh kerajaan pada tahun 1987 bagi menggalakkan dan menanam sifat gemar membaca. Bagi menjayakan hasrat ini pengetua selaku pemimpin sekolah disarankan untuk:

1. Memastikan pembentukan/perkembangan perpustakaan sekolah mengikut piawaian.

2. Menyediakan struktur pengurusan yang sempurna bagi menghasilkan perkhidmatan pembacaan yang berkesan.
3. Menyediakan modal insan yang terlatih dan profesional untuk memastikan perkhidmatan yang berkesan dapat diberi.
4. Memberi sokongan padu terhadap pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan serta aktiviti galakan membaca.
5. Mencorak kepimpinan ke arah pembinaan modal insan yang berkesan.

PENYATAAN MASALAH

Hakikatnya, sekolah-sekolah di Malaysia masih lagi berhadapan dengan krisis amalan membaca khususnya di peringkat sekolah menengah. Data yang dikeluarkan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (2014) menunjukkan bahawa bilangan pelajar sekolah menengah yang mendapat pengiktirafan dalam aktiviti galakan membaca anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia di sekolah hanyalah 15.3% di seluruh Malaysia. Dapatan ini memperkukuhkan lagi data pencapaian pelajar dalam PISA Literasi (*Programme for International Student Assessment*) yang jelas menunjukkan kemerosotan dari tangga 55 pada tahun 2010 ke tangga 59 pada tahun 2012. Pencapaian ini merupakan yang kedua tercorot di Asia Tenggara. Malah kajian terdahulu oleh Pandian (2000) menunjukkan bahawa 76.2% pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam kajian merupakan pelajar yang boleh membaca tetapi tidak mahu membaca. Lebih mendukacitakan, Dasar Galakan Membaca Malaysia yang digubal pada tahun 1987 mensasarkan 100% rakyat Malaysia membaca pada tahun 2000 sedangkan kini sudah 2016 dan Malaysia masih lagi berhadapan dengan krisis tabiat membaca.

Kajian-kajian di peringkat tempatan juga turut membuktikan bahawa tahap minat membaca pelajar sekolah menengah dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun adalah rendah (Haslinda Husaini & Shahrom T.M Sulaiman, 2011; Inderjit, 2014; Azlin Norhaini Mansor et al., 2012; Pandian, 2011). Kebanyakan pelajar sekolah menengah menolak untuk membaca atau lebih dikenali sebagai '*reluctant reader*' dan hanya membaca untuk peperiksaan (Pandian, 2011). Selain itu, tahap minat membaca para pelajar di Malaysia masih kurang memuaskan walaupun setelah sebelas tahun menerima pendidikan formal di sekolah (Inderjit, 2014). Oleh hal yang demikian, sekolah menerusi kepimpinan pengetua perlu mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah ini kerana kajian lepas jelas menunjukkan bahawa kepimpinan pengetua menjadi penyumbang kepada proses transformasi budaya sekolah (Karadag, Bektas, Cogaltay, & Yalcin, 2015), mempunyai kesan tidak langsung kepada pencapaian pelajar dalam aspek pembacaan (Hallinger et al., 2011) dan mampu menggerakkan seluruh warga sekolah untuk membaca (Ismail, Dorner, & Oliver, 2011).

Namun, secara realitinya para pengetua kurang didedahkan secara khusus kepada hal-hal yang berkaitan dengan bidang tugas, teori, dan amalan terbaik yang mampu membantu meningkatkan minat membaca pelajar (Spector & Jay, 2011). Kebanyakan pengetua tidak melihat diri mereka sebagai pemimpin dalam aktiviti membaca (Dempster, Smith, & Johnson, 2014). Walaupun kajian berkaitan kepimpinan pengetua dalam aspek bacaan telah dijalankan di Barat, namun seperti yang dicadangkan Hallinger dan Murphy (1985), Porter (2001), Guestella (2004), Edward (2010), Karadaq, Bektas dan Cogaltay (2015), kajian berkaitan peranan dan bagaimana pengetua memperuntukkan masa mereka dalam aspek kepimpinan pembacaan perlu dilihat secara lebih mendalam khususnya dalam konteks sosiobudaya dan sistem pendidikan yang berbeza. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan berbentuk kajian kes perlu dilaksanakan sebagai panduan kepada pengetua sekolah yang lain.

Pengkaji-pengkaji Barat seperti Brisson (2010), Robinson (2008) dan Herridge (2013) turut mencadangkan agar kajian amalan kepimpinan pengetua dalam aspek pembacaan berbentuk '*best practices*' perlu dijalankan sebagai model untuk mengatasi masalah krisis amalan membaca di sekolah. Tambahan pula, kajian kepimpinan pengetua dalam konteks pembacaan di sekolah menengah adalah sangat terhad (Bickmore & Dowell, 2015 ; Lucas, 2008) dan kajian di sekolah rendah tidak boleh digeneralisasi ke sekolah menengah kerana perbezaan ciri-ciri pelajar, kurikulum, kepimpinan, dan saiz sekolah (Hallinger et al., 2011). Di samping itu, kajian '*best practices*' akan menunjukkan amalan sebenar dan lebih sesuai untuk dijadikan panduan. Gabungan amalan sebenar dan teori akan menghasilkan dapatan yang lebih mantap dan mampu memberi sumbangan yang lebih baik dan berkesan.

Persoalannya, apakah amalan yang dilakukan oleh Pengetua-pengetua Cemerlang dalam meningkatkan minat membaca pelajar sekolah menengah? Oleh hal yang demikian, berdasarkan isu ini, kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini telah dijalankan untuk mengenal pasti amalan Pengetua Cemerlang dalam usaha meningkatkan minat membaca pelajar di sekolah masing-masing sehingga berjaya mendapat pelbagai pengiktirafan. Amalan terbaik yang dilaksanakan serta pengalaman yang dilalui sewajarnya dikongsi untuk dicontohi oleh para pengetua lain. Tambahan pula, kajian lalu yang menggunakan sepuluh fungsi kepimpinan pengetua dalam aspek pembacaan oleh Murphy (2004) dilaksanakan dalam bentuk kajian kuantitatif. Oleh itu, memandangkan dimensi berkaitan kepimpinan pengetua dalam aspek pembacaan tidak wajar ditetapkan sebaliknya perlu dilihat juga amalan sebenar di sekolah, maka kajian lanjutan berbentuk kualitatif wajar dilaksanakan. Selain itu, selepas kajian Edward (2010), didapati tiada lagi kajian terkini berkaitan kepimpinan pengetua dalam aspek pembacaan dibuat dengan menggunakan model ini.

Tujuan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan kepimpinan Pengetua Cemerlang yang berjaya meningkatkan minat membaca pelajar. Penemuan ini mampu menyumbang pengetahuan baru dalam aspek kepimpinan pembacaan dan seterusnya menjadi panduan kepada pembangunan aktiviti membaca secara keseluruhan.

Objektif kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut :

1. Mengetahui amalan yang dilakukan oleh Pengetua-pengetua Cemerlang dalam meningkatkan minat membaca pelajar di sekolah menengah

SOROTAN LITERATUR

Kepimpinan Pengetua dalam Aspek Bacaan

Kajian kepimpinan pengetua dalam aspek pembacaan masih kurang diberi tumpuan dalam kajian kepimpinan sekolah di Malaysia namun aspek ini telah banyak dibincangkan di Barat khususnya Amerika Syarikat. Namun begitu, kebanyakan kajian peranan pengetua dan pencapaian murid dalam aspek pembacaan dijalankan di sekolah rendah (Crum et al., 2009; Cosner, 2011; Hallinger et al., 2011; Herridge, 2013; Hoewing, 2011; Lockard, 2013; Overholt & Szaboicsik, 2013; Thomas, 2010; Tovli, 2014 ; Volk, 2008) berbanding di sekolah menengah (Ayers & Miller, 2009; Chew, 2012; Dempster, Smith, & Johnson, 2014; Doepker & Ortlieb, 2011; Faggella-luby, Ware, & Capozzoli, 2009; Porter, 2001; Robinson, 2008). Semua dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perhubungan positif yang signifikan antara pencapaian tahap pembacaan murid dengan

pengaruh kepemimpinan sekolah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa keberkesanan aktiviti membaca di sekolah sangat bergantung pada kepemimpinan pengetua.

Dalam membicarakan konteks ini, didapati bahawa pengetua yang memberi fokus kepada aspek bacaan ialah pengetua yang akan meletakkan program membaca sebagai perkara pokok dan keutamaannya dalam mentadbir sekolah (Brinson, Dwyer, Scott, & Foley, 2012; Cox, 2010). Hal ini turut disokong oleh Bean dan Lillenstein (2012), yang menyatakan bahawa pengetua yang memberi fokus kepada pembacaan akan bertindak sebagai agen perubahan dengan meletakkan pencapaian dalam program membaca sebagai hala tuju sekolah. Di samping itu, pengetua-pengetua yang berjaya dalam meningkatkan minat membaca akan berusaha mewujudkan iklim pembacaan yang kondusif (Mcanuff-gumbs & Verbeck, 2012), menyediakan suasana pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan pelajar (Bean & Lillenstein, 2012) dan menubuhkan satu pasukan literasi yang mempunyai perancangan strategik yang berfokus (Berry, 2009; Irvin, Meltzer & Dukes, 2007; Massey, 2012). Ini jelas membuktikan bahawa kejayaan dan kegagalan program membaca di sekolah sangat bergantung kepada tindakan yang dilaksanakan oleh pengetua.

Kajian Lampau

Kajian kepemimpinan pengetua yang memberi impak positif kepada pembangunan program membaca secara lebih khusus telah dijalankan oleh Brinsson (2010), Bongarten (2006), Cox (2010), Edward (2010), Guestella (2004), Miller (2012) dan Murphy (2004). Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa pengetua yang berjaya meningkatkan tahap pembacaan murid juga merupakan seorang yang berpengetahuan dalam aspek pembacaan, membina jawatankuasa di peringkat sekolah sebagai inisiatif untuk meningkatkan tahap pembacaan pelajar, menetapkan matlamat sekolah dan masa khas untuk membaca serta memberi tumpuan kepada pembangunan profesional guru dalam aspek pembacaan.

Kajian kepemimpinan dalam aspek bacaan di luar negara berkembang dengan pelbagai dimensi peranan dan amalan yang perlu dilaksanakan oleh pengetua di sekolah. Antaranya sekolah perlu memperuntukan masa membaca (Bongarten, 2006; Murphy, 2004; Torgesen et al. 2007), berusaha membentuk persekitaran membaca (Torgesen et al., 2007), memberi fokus kepada bimbingan dan pembangunan staf (Brisson, 2010; Edwards, 2010; Hoewing, 2011; Matsumura, Sartoris, Bickel, & Garnier, 2009; Munro, 2012; Robinson, 2008), bekerjasama dan bermuafakat dengan ibu bapa

(Busayo, 2011; Edwards, 2010; Massey, 2012; Mcanuff-gumbs & Verbeck, 2012), menyediakan sumber kewangan dan infrastruktur (Fox, 2010; Spencer, 2010), membina matlamat dan visi program membaca (Bean & Lillenstein, 2012; Fox, 2010), memberi bimbingan serta sokongan kepada guru-guru (Bean & Lillenstein, 2012; Brisson, 2010; Karadağ et al., 2015), menjadi inspirasi kepada para pelajar untuk mencapai objektif sekolah (Karadağ et al., 2015) serta membuat keputusan berdasarkan data pencapaian murid (Hilliard & Guglielmino, 2007).

Namun begitu, kajian kepemimpinan pengetua di Malaysia dalam aspek pembacaan sangat terhad. Kebanyakan kajian yang dijalankan kurang menyentuh aspek kepemimpinan pengetua dalam pembacaan secara khusus sebaliknya mencadangkan peranan sekolah dalam usaha meningkatkan tabiat membaca. Antaranya ialah pihak sekolah perlu berusaha menyediakan persekitaran yang menggalakkan iklim membaca dan mengamalkan pedagogi ke arah pembacaan aktif (Azlin Norhaini Mansor et al., 2012; Pandian, 2011). Pengurusan sekolah juga perlu memberi tumpuan kepada menyediakan kemudahan aktiviti membaca yang lengkap (Mohd Nazri Latiff Azmi, 2013) dan memastikan pusat sumber sekolah dapat melaksanakan fungsinya dengan berkesan (Yushiana Mansor & Norhiyah Mohd Noor, 2011). Ini menunjukkan bahawa peranan sekolah menerusi kepemimpinan pengetua akan menentukan kelangsungan tabiat membaca (Shahrom TM Sulaiman, Haslinda Husaini, Sobariah Awang Mukhtar, & Mohd Zairul Masron, 2008). Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa fokus pengetua terhadap perkembangan persekitaran membaca mampu meningkatkan minat membaca para pelajarnya. Sehubungan itu, kajian lanjutan berkaitan amalan kepemimpinan pengetua dalam aspek pembacaan

khususnya amalan terbaik wajar dilaksanakan sebagai garis panduan demi melahirkan masyarakat membaca pada masa hadapan.

Kerangka Teoritikal : Sepuluh Fungsi Kepimpinan Berasaskan Bacaan Murphy (2004)

Selaras dengan usaha meningkatkan amalan membaca pelajar, kajian Murphy (2004) telah menjadi satu penanda aras kepada kajian selanjutnya dalam aspek kepimpinan pengetua apabila beliau memperkenalkan sepuluh dimensi peranan dan amalan pengetua yang memberi fokus kepada kepimpinan berasaskan pembacaan. Hal ini kerana beliau berpendapat perlunya fungsi kepimpinan pengetua diberi fokus dalam aspek pembacaan kerana sekolah memainkan peranan dalam membentuk iklim membaca sehingga mampu memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Hubungan antara faktor sekolah dengan pencapaian murid dalam aspek pembacaan telah digariskan dalam sepuluh fungsi kepimpinan pengetua yang dapat memberi kesan kepada pembacaan murid iaitu:

1. menekankan aspek pembacaan sebagai keutamaan di sekolah
2. percaya bahawa semua pelajar boleh membaca
3. memastikan pengajaran guru berasaskan pembacaan aktif yang berkualiti
4. memaksimumkan masa membaca
5. membina program yang berkualiti menerusi koleksi buku di perpustakaan yang pelbagai aras dan aktiviti bimbingan membaca dalam kumpulan kecil.
6. menilai prestasi dan memastikan akauntabiliti menerusi pemantauan dan penilaian berterusan dan penambahbaikan.
7. memupuk budaya pembangunan staf dan organisasi pembelajaran yang berteraskan amalan membaca
8. mewujudkan sistem pembacaan yang menyeluruh meliputi semua tingkatan dan berterusan.
9. mewujudkan perhubungan antara PIBG dan sekolah dalam semua aktiviti membaca
10. membina keupayaan dengan mewujudkan persekitaran yang selamat, memenuhi matlamat dan teratur supaya semua pelajar mencapai tahap pembacaan yang tinggi.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Reka bentuk ini dipilih kerana penyelidik dapat memahami secara mendalam amalan terbaik Pengetua Cemerlang dalam usaha meningkatkan minat membaca para pelajar di sekolahnya. Kenyataan ini turut disokong oleh Yin (2014) yang berpendapat kajian kes secara kualitatif sesuai bagi kajian yang memerlukan penyiasatan mendalam menggunakan sampel yang kecil dan sesuai digunakan apabila penyelidik ingin mengkaji aspek 'apa yang berlaku?'. Hal ini amat bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin mengenal pasti amalan yang dilakukan oleh Pengetua-pengetua Cemerlang dalam meningkatkan minat membaca pelajar di sekolah menengah

Populasi dan persampelan

Sampel dipilih secara persampelan bertujuan bagi membolehkan penyelidik mengumpul maklumat yang bersesuaian dengan konteks kajian. Ini bermakna responden yang dipilih dapat memberi maklumat yang lebih mendalam, bermakna dan seterusnya menjawab objektif kajian. Hal ini selaras dengan pandangan Cresswell (2014) yang berpendapat bahawa persampelan bertujuan sangat sesuai bagi responden yang telah mengalami sendiri fenomena atau isu yang dikaji serta mampu memberi maklumat yang diperlukan.

Sehubungan dengan itu, seramai lapan orang responden yang terdiri daripada empat orang Pengetua Cemerlang dan empat orang Pegawai Teknologi Pendidikan Negeri Kedah (BTPNK) dipilih secara persampelan bertujuan. Empat orang pengetua yang terpilih merupakan Pengetua Cemerlang yang telah berjaya membangunkan minat membaca di sekolah. Amalan yang dilaksanakan oleh Pengetua-pengetua Cemerlang berkenaan sehingga menerima pelbagai pengiktirafan dikongsi sepanjang proses pengumpulan data. Rasional pemilihan Pegawai BTPNK sebagai responden pula bertujuan untuk mendapatkan persepsi dan pengalaman pihak luar yang pernah memberi khidmat bantuan berkaitan aktiviti membaca serta memantau sekolah-sekolah yang pernah diterajui oleh Pengetua Cemerlang berkenaan. Selain itu, pengumpulan data daripada persepsi pihak luar iaitu Pegawai BTPNK dapat membantu mengesahkan maklumat yang diberi oleh Pengetua-pengetua Cemerlang yang terlibat dalam kajian dan seterusnya bertindak sebagai proses triangulasi data.

Instrumen

Kajian menggunakan protokol temu bual sebagai instrumen kajian. Protokol temubual meliputi aspek berikut:

- a) Soalan pembukaan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat demografi responden.
- b) Soalan utama yang menumpukan kepada objektif kajian iaitu perkongsian pengalaman berkaitan amalan sebenar yang telah dilakukan oleh pengetua berkenaan sebagai responden dan dari persepsi Pegawai Teknologi Pendidikan (BTPNK) sebagai pihak luar yang membuat pemantauan. Soalan adalah berasaskan amalan yang dilakukan oleh pengetua berkenaan untuk meningkatkan minat membaca pelajar di sekolah masing-masing.
- c) Soalan penutup yang memberi peluang responden membuat kesimpulan dan penegasan semula informasi berkaitan kepimpinan pengetua dalam meningkatkan minat membaca

Prosedur kajian

Responden telah ditemu bual menerusi temu bual separa berstruktur yang lebih bersifat fleksibel. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan mengambil masa antara 40 minit sehingga 90 minit. Temu bual dirakam dan proses mentranskrip data kemudian dijalankan secara verbatim. Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data, transkrip temu bual kemudian disemak kembali oleh responden kajian untuk memastikan tafsiran yang dibuat adalah betul dan benar-benar mewakili apa yang ingin disampaikan.

Analisis Data

Data dianalisis secara analisis kandungan menggunakan perisian Atlas Ti. Penyelidik membaca transkrip temu bual untuk memahami data dengan lebih mendalam, membina kod-kod yang bersesuaian, seterusnya mencari tema-tema dan subtema penting berkaitan objektif kajian. Pola tema ini merupakan sesuatu yang penting untuk mengenal pasti amalan-amalan yang telah dilaksanakan dan menjadi asas kepada proses generalisasi umum sesuatu kajian seperti mana yang dinyatakan oleh Cresswell (2014).

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati terdapat sepuluh amalan utama yang dilaksanakan oleh pengetua-pengetua berkenaan iaitu 1) menekankan aspek pembacaan sebagai keutamaan (14.4%), 2) membina program membaca yang berkualiti (12.8%), 3) mewujudkan persekitaran membaca (12.2%), 4) mewujudkan sistem pembacaan yang menyeluruh (11.9%), 5) percaya bahawa semua pelajar boleh membaca (10.8%), 6) menyokong guru menjalankan aktiviti (10.3%), 7) membangunkan kapasiti kepimpinan (10%), 8) menilai prestasi dan pemantauan (8.6%), 9) memupuk hubungan dengan pelajar (5%) dan 10) menjalankan aktiviti bersama PIBG (3.9%). Kategori tema mengikut pecahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Kategori tema mengikut pecahan

TEMA	RESPONDEN								JUMLAH	PERATUS
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	R7	R8		
Aspek pembacaan sebagai keutamaan	9	0	19	3	9	1	6	5	52	14.4
Membina program berkualiti	10	3	2	15	6	3	4	3	46	12.8
Mewujudkan persekitaran membaca	10	6	13	0	2	2	8	3	44	12.2
Mewujudkan sistem pembacaan yang menyeluruh	12	4	6	8	5	1	5	2	43	11.9
Percaya semua pelajar boleh membaca	3	2	9	6	2	7	6	4	39	10.8
Menyokong guru menjalankan aktiviti	2	6	8	7	4	4	6		37	10.3
Membangunkan kapasiti kepimpinan	7	8	7	2	2	4	5	1	36	10.0
Menilai prestasi dan pemantauan	11	3	1	4	1	1	6	4	31	8.6
Perhubungan dengan pelajar	0	4	4	6	0	0	4	0	18	5.0
Aktiviti bersama PIBG	4	3	2	0	0	1	1	3	14	3.9
JUMLAH	68	39	71	51	31	24	51	25	360	100

Tema 1: Menekankan aspek pembacaan sebagai keutamaan.

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa keempat-empat Pengetua Cemerlang yang dipilih sangat menekankan aspek pembacaan sebagai keutamaan dalam operasi harian sekolah yang diwakili oleh 52 kekerapan atau 14.4%. Terdapat enam subtema yang wujud berdasarkan tema ini iaitu aktiviti membaca sebagai hala tuju sekolah, terlibat dalam pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS), keutamaan kepada PSS dan aktiviti membaca, perancangan aktiviti membaca, sokongan kewangan dan mengadakan majlis pelancaran program membaca di sekolah masing-masing.

Pengetua-pengetua Cemerlang yang terlibat dalam kajian menjadikan membaca sebagai satu hala tuju sekolah seperti yang nyatakan oleh responden (R3) "*Sekolah tetapkan matlamat. Apa yang saya buat adalah saya suruh Penolong Kanan (PK) buat KPI (bacaan) juga macam akademik, buat pengunjuran, barulah cikgu-cikgu ni dia akan berusaha*". Ini bermakna pengetua akan bersama barisan pengurusan meletakkan matlamat dan sasaran pembacaan pelajar yang ingin dicapai, seterusnya menggerakkan seluruh warga sekolah.

Selain itu, pengetua-pengetua ini sendiri akan turut terlibat dalam pengurusan PSS dan perancangan aktiviti, memberi sokongan kewangan dan sentiasa mengutamakan PSS dan aktiviti membaca.

...bukan sekadar memahami Program Membaca sebaliknya melibatkan diri secara berterusan (R7)

Program tiap-tiap tahun cikgu rancang awal, bulan ni nak buat apa, nak buat pa...baru nampak. (R1)

.. mesti sediakan aktiviti. Sepanjang tahun itu mesti ada aktiviti... jangan ada satu pun yang skip. (R5)

Pengetua yang bagus akan berusaha menyediakan segala keperluan kewangan (R8)

Duit-duit yang PCG itu memang dia fokus (untuk buku) (R5)

Jadi cikgu usaha yang tu dulu (PSS) bagi tingkatkan penggunaan. Buat rekod-rekod...sistem buku (R1)

Selain itu, majlis pelancaran program membaca peringkat sekolah diadakan secara meriah dengan menjemput pihak luar untuk membuat perasmian supaya para pelajar dapat melihat kesungguhan pihak sekolah dalam usaha meningkatkan minat membaca.

Cikgu fokus betul-betul, jadi kita buat bagi meriah betui ...cikgu-cikgu tau dah tunggu pelancaran, panggil orang BTPN kan, PPD Kubang Pasu pun mai, at least (sekurang-kurangnya) depa tau kita ada program (R1)

Tema 2: Membina program membaca yang berkualiti.

Pengetua-pengetua Cemerlang yang terlibat dalam kajian berusaha membina program membaca yang berkualiti iaitu 12.8% daripada jumlah keseluruhan tema. Terdapat lima subtema yang turut menggambarkan amalan yang dilakukan iaitu mengadakan program galakan membaca sokongan, melaksanakan program yang dirancang, memberi fokus kepada penambahan koleksi buku, membimbing pelajar dan menggunakan rakan sebaya sebagai pembimbing.

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pengetua-pengetua yang terlibat mempelbagaikan program sokongan berasaskan pembacaan supaya dapat menarik para pelajar untuk terus membaca. Program-program ini dirancang dengan teliti dan dilaksanakan secara berfokus. Pengetua turut terlibat dalam usaha membimbing pelajar di samping menggunakan pengaruh rakan sebaya untuk menggalakkan pelajar membaca.

...baca dalam kelas 10 minit, seminggu sekali kita panggil Read Hour (R3)

...kita buat pertandingan pantun Bahasa Inggeris. Daripada pantun, kena cari perkataan sesuai (R4)

...kita buat program permainan berasaskan pembacaan ...budak- budak mencetuskan idea (R2)

...tiap-tiap bulan cikgu pastikan ada program-program yang berkaitan (R1)

....akan ada sikit soal jawab dengan budak-budak tentang buku dia baca (R1)

...Pengetua tersebut juga menjadi guru pembimbing kepada murid-murid (R7)

...Pembacaan secara kumpulan dengan diterajui oleh rakan pembaca. (R7)

Dalam hal ini, pelaksanaan aktiviti membaca yang berkesan memerlukan PSS yang mempunyai koleksi terkini. Oleh itu, koleksi buku ditambah dari masa ke semasa agar dapat memenuhi kehendak dan tahap pelajar.

Tema 3: Mewujudkan persekitaran membaca.

Kajian juga turut menunjukkan bahawa mewujudkan persekitaran membaca juga merupakan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Pengetua-pengetua Cemerlang yang terlibat dalam kajian. Tema ini mewakili 12.2% kekerapan. Pengetua-pengetua Cemerlang ini akan mewujudkan persekitaran membaca yang kondusif dan meluaskan tempat bacaan dengan mewujudkan rangkaian sumber di seluruh kawasan sekolah.

Pusat Sumber ni sendiri pun kena ceria, kena menarik dan kena ada kemudahan internet (R1)

....motivasi budak ni bila pusat sumber itu cantik, pusat sumber punya tarikan (R6)

... sudut bacaan di dalam kelas (R7)

.. ada pondok-pondok bacaan sekitar sekolah, supaya aktiviti bacaan tu boleh dijalankan bila-bila masa sahaja (R8)

...perpustakaan dikembangkan ke asrama (R1)

...buat stesen bacaan (R3)

Aktiviti membaca diperkasakan dengan jaringan perhubungan dengan pihak luar. Sokongan daripada alumni, agensi kerajaan dan swasta menjadikan kemudahan membaca dapat disediakan dengan lebih baik berbanding sekolah lain. Hal ini jelas terbukti berdasarkan respon yang diberi.

....nak belanja sikit duit tu selalu minta kat alumni (R1)

...ada tokoh korporat dan alumni sekolah yang sumbang tiap-tiap tahun sampai letak nama terus Pusat Sumber Dato' Khalid. (R7)

...buat hubungan luar, cari dana, supaya cikgu-cikgu sebut saja, kita boleh sediakan (R3)

...buat kolaborasi dengan Perpustakaan Awam memang satu impak, cikgu nampak ada kesan (R2)

...koleksi buku dapat dari Scholastic (R7)

Data yang terhasil jelas membuktikan bahawa pengetua yang berjaya meningkatkan minat membaca pelajar menjadikan seluruh persekitaran sekolah sebagai kawasan bacaan dengan bantuan dana daripada pihak luar yang terdiri daripada alumni, agensi kerajaan dan juga swasta. Bantuan dan sokongan yang diberikan telah berjaya merubah persekitaran sekolah menjadi persekitaran yang kondusif untuk membaca.

Tema 4: Mewujudkan sistem pembacaan yang menyeluruh.

Dapatan turut mendapati pengetua-pengetua yang berjaya meningkatkan minat membaca telah mewujudkan sistem pembacaan menyeluruh yang melibatkan semua pelajar yang mewakili 11.9% daripada kekerapan tema. Program yang dijalankan merupakan program membaca terancang dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini bermakna, aktiviti membaca disertai oleh semua pelajar secara berterusan sejak daripada Tingkatan Satu. Pengiraan bilangan bahan bacaan turut dibuat supaya prestasi pelajar dapat dinilai.

Bagi meningkatkan keberkesanan program dan penglibatan menyeluruh, pengetua-pengetua berkenaan sangat menekankan aspek ganjaran kepada pelajar termasuk menggunakan duit poket sendiri dan prestasi pembacaan dicatat dalam sijil berhenti sekolah.

...tiap-tiap bulan ada hadiah... sijil kepada pelajar untuk hujung tahun bagi masa perhimpunan (R1)

...Hari Anugerah Cemerlang cikgu memang buat satu piala khas ... Cikgu bagi duit sama (R1)

... bagi dalam bentuk I-Pad (R3)

Kita ada anugerah membaca setiap tahun (R4)

letak dalam sijil berhenti sekolah (P7)

Dalam aspek ini, pelaksanaan aktiviti NILAM iaitu aktiviti membaca yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dilaksanakan secara bersungguh-sungguh oleh pihak sekolah. Aktiviti NILAM ini menjadi pemangkin untuk para pengetua menggiatkan lagi usaha amalan membaca secara menyeluruh. Sistem pengiktirafan dalam aktiviti NILAM menjadi kayu ukur prestasi pembacaan pelajar.

Tema 5: Percaya bahawa semua pelajar boleh membaca.

Amalan seterusnya ialah percaya bahawa semua pelajar boleh membaca yang diwakili oleh 10.8% kekerapan. Menerusi amalan ini, pengetua mempunyai keyakinan bahawa para pelajar boleh diasuh untuk membaca dan akan berminat untuk membaca, meningkatkan usaha memotivasikan pelajar untuk membaca serta sangat menekankan pencapaian akademik menerusi usaha pembacaan yang gigih. Kepercayaan kepada kebolehan pelajar ditunjukkan menerusi usaha pengetua untuk terus memberi galakan motivasi membaca.

...dia boleh. English pun kita boleh, kalahkan yang Convent-convent (R4)

Pengetua sendiri kena sering bercakap dalam perhimpunan (R1)

Pengetua berkenaan sentiasa memberi motivasi kepada murid (R6)

Kepentingan kena di war-warkan, itu kesedaran bahawa membaca penting (R3)

Datuk Siti (Nurhaliza) kita lantik sebagai ikon, dulu pengawas PSS (R3)

Siapa pelajar yang banyak membaca akan makan malam dengan Dato' Siti... Itu motivasi (R6)

Penekanan kepada aktiviti membaca dengan pelbagai program galakan membaca secara berterusan telah memberi impak kepada peningkatan dalam pencapaian akademik secara tidak langsung.

Masa mula saya pergi 29% kelulusan kemudian 36%. Kita lancar English program. Tahun kedua jadi 48%. Jadi Tahun ketiga naik 58% (R4)

SPM naik 17 subjek, bermula dengan Agama Islam...Sains Pertanian (R4)

peningkatan pencapaian akademik yang menjadi pendorong yang mempengaruhi pengetua (R7)

Pencapaian pelajar di sekolah-sekolah yang terlibat dengan kajian jelas menunjukkan peningkatan terutama bagi mata pelajaran berbentuk pembacaan.

Tema 6: Menyokong guru menjalankan aktiviti.

Menyokong guru menjalankan aktiviti merupakan tema yang keenam iaitu mewakili 10.3% daripada keseluruhan kekerapan. Pengetua-pengetua ini didapati sangat menjaga hubungan mereka dengan guru-guru dan sentiasa memberi sokongan kepada guru dalam menjalankan aktiviti.

berkomunikasi dengan cikgu, tiada halangan, perbincangan dan perkembangan tu berlaku 24 jam (R3)

kalau teringat pukul 12 tengah malam, tengah dok masak teringat, mesej ja tunggu nanti lupa (R3)

kita perlu ada sentuhan hati warga sekolah (R4)

Kadang-kadang saya suruh mereka buat sambal cicah, saya bawa buah pelam (R4).

cikgu-cikgu bawahan kita ni ada idea... buat bagi capai la sebaik yang mungkin. (R2)

Pengetua support (sokong) dari segi semangat (R6)

Hubungan baik dan sokongan yang berterusan telah mewujudkan satu permuafakatan di sekolah dalam mencapai hala tuju yang ditetapkan. Seperti yang dinyatakan oleh responden (R4) "*formulanya mestilah kena buat secara bersama. Sehebat mana pengetua, mana pengetua boleh buat kalau sekolah sudah 1000 orang, kita nak buat seorang mana boleh.*" Walaupun pelaksanaan kerja dilakukan secara bersama namun, pengetua masih tetap memainkan peranan yang signifikan sebagai penggerak utama dalam membangunkan program membaca yang berkesan

Tema 7: Membangunkan kapasiti kepimpinan.

Di samping itu, hasil analisis data mendapati pengetua-pengetua yang menjadi responden ini menggali potensi orang bawahan dan melatih mereka menjadi pemimpin kecil. Hal ini terbukti apabila didapati 10% daripada jumlah kekerapan keseluruhan diwakili oleh usaha pengetua menyokong pengurusan sekolah, membangunkan kepimpinan guru, memperkasakan peranan Guru Perpustakaan dan Media (GPM), memperkasakan peranan pengawas PSS dan mengenal pasti kekuatan orang bawahan.

bagi saya pengetua ni kena lahir banyak pemimpin (R2)

Kita kena ada keyakinan pada guru untuk buat, bagi seronok. Itu yang penting. Bila ketua jabatan tak cerewet, jadi anak buah dia akan ada kreativiti (R3)

bagi "empowerment" penuh, kalau tiada "empowerment" jadi idea cikgu itu terbatas (R7)

kita kena bagi kepercayaan kepada PK-PK, pada masa yang sama kita bimbing (R3)

pengawas pusat sumber ini rasa bahawa mereka begitu dihargai (R5)

Sehubungan itu, pengetua yang terlibat sebagai responden mengenal pasti kekuatan para guru dan mencari pendekatan terbaik bagi meletakkan guru yang sesuai mengikut kemahirannya. Sejalan dengan ini, sebagai contoh responden R3 mengenal pasti kepakaran para guru menerusi pengkhususan akademik mereka di peringkat ijazah dan guru-guru perlu menjalankan sekurang-kurangnya satu projek setahun bersesuaian dengan kepakaran tersebut. Namun begitu, aspek pembacaan masih menjadi teras dalam semua pelaksanaan projek sebagai contoh mengadakan penyelidikan dalam penghasilan projek robotik.

Pengetua- pengetua ini juga didapati mendapatkan maklum balas dan pandangan serta berkongsi proses membuat keputusan bersama barisan pengurusan dan guru-guru. Guru-guru yang berkaliber sentiasa dibimbing dan dilatih untuk memimpin pelbagai program sekolah.

Tema 8: Menilai prestasi dan pemantauan.

Kajian juga mendapati para Pengetua Cemerlang yang terlibat ini menilai prestasi dan membuat pemantauan dengan turun padang dalam semua aktiviti, membuat pemantauan dan menilai prestasi pembacaan pelajar dari masa ke masa. Tema ini mewakili 8.6% daripada keseluruhan kekerapan.

Pengetua sibuk tak nafikan tapi apa pun cikgu selalu jenguk, turun padang samalah (R1)

...apa program pun saya nak beritahu, pengetua mestilah kena turun padang (R4)

...kena tengok buku-buku rekod-rekod bacaan, cikgu selalu tanda tangan tanya apa

watak penting, sinopsis dia... budak akan baca... takut pengetua tanya tak boleh jawab (R1)

...dia kena selalu tengoklah prestasi bacaan pelajar (R6)

Beliau juga menanda atau mengesahkan buku rekod bacaan murid (R7)

Tema 9: Perhubungan dengan pelajar.

Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa semua pengetua yang terlibat mempunyai hubungan rapat dengan para pelajarnya. Walaupun tema ini hanya mewakili 5% daripada keseluruhan tema, namun aspek ini perlu diberi perhatian. Ini adalah kerana elemen perhubungan dengan pelajar tidak dinyatakan dalam kerangka teoritikal yang menjadi garis panduan dalam proses menganalisis data. Berdasarkan kajian, Pengetua-pengetua Cemerlang sanggup berhubung dengan pelajar menerusi

media sosial, menelefon untuk berbual bersama pelajar dan berjumpa pelajar secara formal dari semasa ke semasa. Perhubungan ini menimbulkan interaksi tidak formal dan merapatkan jurang perhubungan antara pengetua dan pelajar.

Seperti yang sedia maklum, pengetua sekolah merupakan figura yang disegani, dihormati dan para pelajar biasanya takut untuk berjumpa. Namun begitu, didapati pengetua-pengetua ini mempunyai aura yang unik kerana sentiasa hampir dengan pelajar namun tetap dihormati.

Tema 10: Aktiviti bersama PIBG.

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa aktiviti bersama PIBG turut menjadi amalan yang diwakili oleh 3.9% kekerapan. Biarpun tema ini mewakili peratusan yang kecil namun kerjasama bersama ibu bapa dalam meningkatkan minat membaca tidak boleh diabaikan. Hal ini kerana minat membaca dapat dikekalkan sekiranya mendapat sokongan daripada ibu bapa di rumah. Di samping sokongan kewangan kepada aktiviti membaca di sekolah, PIBG juga turut memberi ganjaran kepada ibu bapa pembaca terbanyak. Hal ini mampu meningkatkan motivasi untuk keluarga tersebut untuk memberi galakan yang berterusan kepada pelajar.

PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, perbincangan berdasarkan objektif kajian iaitu mengenal pasti amalan yang dilakukan oleh Pengetua-pengetua Cemerlang dalam meningkatkan minat membaca pelajar di sekolah menengah. Hasil kajian mendapati terdapat sepuluh amalan utama yang dilaksanakan oleh pengetua-pengetua berkenaan iaitu 1) menekankan aspek pembacaan sebagai keutamaan (14.4%), 2) membina program membaca yang berkualiti (12.8%), 3) mewujudkan persekitaran membaca (12.2%), 4) mewujudkan sistem pembacaan yang menyeluruh (11.9%), 5) percaya bahawa semua pelajar boleh membaca (10.8%), 6) menyokong guru menjalankan aktiviti (10.3%), 7) membangunkan kapasiti kepimpinan (10 %), 8) menilai prestasi dan pemantauan (8.6%), 9) memupuk hubungan dengan pelajar (5%) dan 10) menjalankan aktiviti bersama PIBG (3.9%).

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa pengetua-pengetua yang berjaya meningkatkan minat membaca pelajar menjadikan aspek pembacaan sebagai keutamaan dalam semua aktiviti sekolah. Tema ini merupakan tema yang mempunyai kekerapan tertinggi. Ini bermakna pengetua akan bersama barisan pengurusan meletakkan matlamat dan sasaran pembacaan pelajar yang ingin dicapai, seterusnya menggerakkan seluruh warga sekolah. Dapatan ini menyokong kajian lalu oleh Bean dan Lillenstein (2012), yang menyatakan bahawa pengetua yang memberi fokus kepada pembacaan akan bertindak sebagai agen perubahan dengan meletakkan pencapaian dalam program membaca sebagai hala tuju sekolah.

Selain itu, penekanan pengetua terhadap pembacaan ini dapat dikaitkan dengan kepentingan aktiviti membaca itu sendiri dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Pengetua-pengetua yang terlibat percaya bahawa fokus kepada aktiviti membaca dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik secara tidak langsung. Amalan ini juga selari dengan dapatan kajian yang lalu bahawa minat membaca dikenal pasti sebagai peramal kepada pencapaian akademik pelajar (Bergman, 2013; Haslinda Hussaini, Aziz, Mohd Sharif Mohd Saad, Dang Merduwati Hashim, & Mohd Fazli Baharuddin, 2012 ; Azlin Norhaini Mansor et al.,2012; Meltzer & Hamann, 2006; Shen, 2006; Thomas, 2010) dan terdapat perkaitan yang positif antara pencapaian akademik pelajar dengan program membaca di sekolah (Chew, 2012 ; Heri Hidayat & Siti Aishah, 2013; Inderjit 2014; Raja

Abdullah Yaakob, 2011). Sehubungan dengan itu, pengetua-pengetua ini mempunyai harapan dan kepercayaan yang tinggi bahawa semua pelajar boleh membaca.

Aspek ini turut dibincangkan oleh Brisson (2010) yang telah menjalankan kajian di tiga buah sekolah dan mendapati pengetua dapat meningkatkan pencapaian pelajar menerusi penekanan yang diberikan kepada pembacaan merentasi kurikulum. Namun begitu, hal ini bertentangan dengan kajian Cox (2010) yang menunjukkan bahawa tiada perhubungan yang signifikan di antara amalan pengetua dalam aktiviti membaca dan pencapaian pelajar. Pandangan yang sama turut diberi oleh Shin, Slater dan Backhoff, (2012) yang mendapati adalah sukar untuk melihat hubungan di antara amalan kepimpinan pengetua berasaskan pembacaan dan pencapaian pelajar terutama dalam kajian yang melibatkan negara yang berbeza. Namun begitu, sama ada secara langsung atau tidak langsung, pengetua ternyata masih mempengaruhi aktiviti membaca pelajar mahupun pencapaian akademik menerusi kepimpinannya terhadap guru di sekolah.

Kajian juga menunjukkan bahawa pengetua-pengetua yang terlibat memberi fokus kepada usaha untuk membina program membaca yang berkualiti menerusi pembangunan Pusat Sumber Sekolah yang berkesan. Dapatan ini juga selari dengan kajian lalu oleh Haslinda Hussaini et al. (2012), Kamal dan Normah Othman (2012) yang mendapati pusat sumber sekolah mempunyai peranan besar dalam menyediakan koleksi bahan dan program terancang supaya dapat menarik pelajar dan guru membaca. Oleh hal yang demikian, para pengetua disarankan agar memastikan adanya kepelbagaian bahan bacaan mengikut keperluan pelajar dan sekolah mempunyai koleksi bahan bacaan yang mencukupi. Aktiviti promosi dan pameran buku wajar diadakan secara berterusan di sekolah untuk menarik minat membaca.

Bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti membaca, selain memberi fokus kepada pusat Sumber sekolah, pengetua-pengetua yang terlibat dalam kajian juga turut mewujudkan persekitaran membaca di seluruh kawasan sekolah. Kemudahan dan persekitaran kondusif yang disediakan mampu memberi impak kepada motivasi membaca pelajar seperti yang telah dibuktikan oleh kajian Fayaz Ahmad Lone (2011), Heri Hidayat dan Siti Aishah (2013). Apabila minat membaca meningkat maka motivasi untuk membaca dan penglibatan aktiviti membaca juga akan meningkat (Yah Awang Nik, Farok Zakaria, Azizah Hamzah, & Hasif Rafidee Hasbollah, 2012). Oleh itu, para pengetua perlu memberi fokus kepada pembangunan persekitaran membaca secara keseluruhan dengan sokongan dan bantuan daripada pihak luar supaya keberkesanan aktiviti membaca dapat ditingkatkan.

Selain itu, didapati bahawa pengetua yang terlibat dengan kajian mempunyai hubungan yang rapat dengan para guru dan sentiasa memberi sokongan dalam apa jua aktiviti membaca yang dijalankan. Pemuaafakatan ini telah mewujudkan pasukan kerja yang mantap sehingga berjaya mencapai matlamat bacaan sekolah seperti yang dirancang. Sokongan jitu daripada pengetua telah meningkatkan motivasi guru-guru khususnya dalam pelaksanaan aktiviti yang menjurus kepada pembacaan aktif. Selain itu, pengetua-pengetua yang terlibat juga memberi tumpuan kepada pembangunan kepimpinan Kumpulan Pengurusan Sekolah, Guru Perpustakaan, guru-guru dan Pengawas Pusat Sumber. Usaha membangunkan pemimpin kecil khususnya guru adalah perlu supaya penyelesaian masalah dapat dilaksanakan dalam pelbagai peringkat dan seterusnya mampu meningkatkan pencapaian pelajar. (Huggins, Klar, Hammonds, & Buskey, 2016).

Aspek ini turut menyokong kajian lalu yang membuktikan bahawa faktor kekuatan program pembangunan sekolah ialah kolaborasi seluruh warga sekolah terutama dalam pelaksanaan dan penyelesaian masalah (Mcanuff-gumbs & Verbeck, 2012). Tambahan pula, kajian Chen (2008), Dai (2013), Haslinda Hussaini et al. (2012) dan Sullivan (2010) telah membuktikan bahawa kesungguhan guru berkongsi ilmu dan keseronokan membaca akan mempengaruhi minat pelajar terhadap buku. Walaupun dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa pengetua tidak mempengaruhi minat membaca pelajar secara langsung, namun sokongan dan usaha membangunkan kepimpinan Kumpulan

Pengurusan Sekolah, Guru Perpustakaan, guru-guru dan Pengawas Pusat Sumber seperti yang telah dinyatakan mampu meningkatkan keberkesanan aktiviti membaca yang dirancang.

Selain daripada amalan terbaik yang dibincangkan, kajian turut mengesahkan bahawa terdapat dapatan yang di luar jangkaan iaitu didapati keempat-empat pengetua yang terlibat bertindak sebagai penyelesaian masalah, berpengetahuan dalam aspek pembacaan, menjadi penggerak dan suri teladan kepada guru dan pelajar dalam aktiviti membaca. Walaupun aspek berpengetahuan dalam pembacaan telah disentuh pada bahagian kajian literatur namun ciri-ciri sebagai penggerak dan suri teladan yang dimiliki oleh pengetua-pengetua yang terlibat dalam kajian ini memerlukan penelitian lanjut.

Selain itu didapati, pengetua-pengetua yang terlibat dengan kajian melihat fungsi mereka sebagai penyelesaian masalah dan cuba berfikir dalam bentuk yang berbeza sehingga melahirkan inovasi demi meningkatkan minat membaca pelajar. Seperti yang dinyatakan oleh responden R3, tanggungjawab pengetua yang sebenar ialah mengenal pasti masalah yang dihadapi dan menyelesaikan masalah. Kenyataan ini jelas menyokong beberapa kajian lalu oleh Eacott (2012), Spector dan Jay (2011) berkaitan fungsi pengetua sebagai penyelesaian masalah pendidikan. Sungguhpun begitu, kajian lanjutan adalah perlu bagi menentukan kesahihan ciri-ciri persamaan yang dimiliki oleh para pengetua yang terlibat dalam kajian ini.

Data yang terhasil daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat tiga amalan pengetua yang tidak selari dengan Kerangka Fungsi Kepimpinan Berasaskan Bacaan Murphy (2004). Amalan-amalan pengetua yang dimaksudkan ialah memberi sokongan kepada guru, membangunkan kapasiti kepimpinan dan memupuk perhubungan dengan pelajar. Malah dalam aspek perhubungan dengan pelajar, pengetua-pengetua yang terlibat dengan kajian akan menghubungi murid menerusi telefon, menggunakan media sosial dan berjumpa secara peribadi untuk mengetahui perkembangan pelajar khususnya dalam aspek bilangan buku yang dibaca. Pengetua-pengetua ini disenangi oleh para pelajar namun tetap dihormati.

Jika diteliti secara sepintas lalu, ketiga-tiga tema yang mewakili amalan terbaik pengetua ini sangat berkaitan dengan kepimpinan berasaskan kemanusiaan. Dapatan ini menyokong kajian-kajian lalu yang jelas membuktikan bahawa pengetua yang menekankan aspek kemanusiaan seperti menjaga perhubungan dengan guru dan murid lebih mendapat sokongan dan mampu menggerakkan warga sekolah melakukan sesuatu perkara dengan lebih berkesan dan berkualiti (Alred, Labat, Eadens, Labat, & Eadens, 2016 ; Nik Badrul Hisham Nik Ismail & Mastura Mahfar , 2015). Sungguhpun begitu, kajian selanjutnya perlu dilaksanakan untuk menentukan sama ada elemen tempatan seperti sosiobudaya dan iklim sekolah mempengaruhi amalan-amalan ini.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi fokus kepada amalan terbaik yang dipraktikkan oleh Pengetua-pengetua Cemerlang dalam meningkatkan minat membaca pelajar. Hasil kajian merumuskan bahawa terdapat sepuluh amalan terbaik yang dilaksanakan iaitu menekankan aspek pembacaan sebagai keutamaan, membina program membaca yang berkualiti, mewujudkan persekitaran membaca, mewujudkan sistem pembacaan yang menyeluruh, percaya bahawa semua pelajar boleh membaca, menyokong guru menjalankan aktiviti, membangunkan kapasiti kepimpinan, menilai prestasi dan pemantauan, memupuk perhubungan dengan pelajar dan menjalankan aktiviti bersama PIBG.

Hasil dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pengetua-pengetua lain selaku pemimpin sekolah bagi meningkatkan minat membaca pelajar dan seterusnya memperbaiki amalan sedia ada. Tambahan pula, amalan-amalan yang telah dibincangkan merupakan amalan terbaik yang telah terbukti berkesan dalam menangani krisis amalan membaca pelajar di sekolah menengah. Penemuan ini diharap dapat disebar

luas dalam kursus-kursus kepengetuaan dan kepimpinan sekolah oleh institusi yang berkaitan agar dapat diimplementasikan oleh pengetua lain. Selain itu, dapatan ini diharap dapat menggalakkan pengetua-pengetua lain merancang langkah yang sesuai untuk membangunkan minat membaca dalam kalangan pelajar di sekolah mereka berasaskan amalan-amalan yang telah terbukti berjaya.

Sungguhpun begitu, kajian lanjutan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif berkaitan kepimpinan pengetua dalam aspek meningkatkan minat membaca perlu dijalankan. Adalah dicadangkan pelaksanaan kajian berkaitan kepimpinan pengetua di sekolah yang mempunyai tahap pembacaan yang rendah dibuat untuk tujuan perbandingan. Di samping itu, kajian ini mengambil kira persepsi pengetua dan pegawai Bahagian Teknologi Pendidikan yang bertindak sebagai pemantau dan memberi khidmat nasihat dalam aktiviti membaca. Oleh hal yang demikian, kajian amalan pengetua dalam meningkatkan minat membaca daripada persepsi guru dan pelajar boleh dilaksanakan pada masa hadapan. Dalam hal ini, sampel penyelidikan tentang minat membaca pelajar sewajarnya diperkembangkan di peringkat daerah, negeri mahupun seluruh negara supaya generalisasi dapat dibuat dalam skala yang lebih besar bagi mengatasi masalah pembudayaan amalan membaca secara keseluruhan dalam jangka masa panjang.

Namun, minat membaca dapat diterapkan dengan lebih mendalam dan berkesan jika persekitaran membaca bermula di rumah dan diperkukuhkan lagi dengan pelbagai aktiviti di sekolah. Oleh itu, pihak sekolah dan ibu bapa perlu berganding bahu dalam mempromosikan amalan membaca agar budaya ini terus berkekalan sepanjang hayat.

RUJUKAN

- Alred, A., Labat, M. B., Eadens, D. W., Labat, C. A., & Eadens, D. M. (2016). The impact of principal emotional intelligence on teacher perceptions of school climate. *International Research in Higher Education, 1*(2), 127–132. doi.org/10.5430/irhe.v1n2p127
- Annamalai, S., & Muniandy, B. (2013). Reading habit and attitude among Malaysian Polytechnic Students. *International Online Journal of Educational Sciences, 5*(1), 32–41.
- Ayers, B. J., & Miller, M. (2009). Informing adolescent literacy policy and practice: lessons learned from the striving readers program. *Policy Brief*. (July).
- Azlin Norhaini Mansor, Mohd Sattar Rasul, Rose Amnah Abd Rauf, & Koh, B. L. (2012). Developing and sustaining reading habit among teenagers. *The Asia-Pacific Education Researcher*. doi.org/10.1007/s40299-012-0017-1
- Bahagian Teknologi Pendidikan. (2014). *Laporan I-NILAM* (Atas talian). <http://nilam.tarantula.my/index.php>
- Bates, L., Breslow, N., Hupert, N. (2009). *Five states' efforts to improve adolescent literacy* (Issues & Answers Report, REL 2009–No. 067). Washington, DC: U.S. Department of Education, Institute of Education Sciences, Retrieved from <http://ies.ed.gov/ncee/edlabs>
- Bean, R., & Lillenstein, J. (2012). Response to intervention and the changing roles of schoolwide personnel. *The Reading Teacher, 65*(7), 491–501. doi.org/10.1002/TRTR.01073
- Bergman, D. (2013). *Motivation and middle school readers: the nature of motivation among adolescent struggling readers who made notable gains while in middle school*. Temple University Graduate Board. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses Database.

- Berry, G. (2009). *Literacy leadership in secondary schools: A case study of reaching and learning in two schools*. Portland State University. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses Database.
- Bickmore, D. L., & Dowell, M.-M. S. (2015). A case study of middle grades leadership in a Conversion Charter School. *NASSP Bulletin*, 99(1), 43–69. doi.org/10.1177/0192636515575602
- Bongarten, R. T. (2006). *Characteristics of an effective literacy principal*. University of Connecticut. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses database.
- Brisson, P. M. (2010). *The literacy-related practices of principals in high schools with improved student reading achievement*. Columbia University. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses database.
- Busayo, I. O. (2011). The school library as a foundational step to childrens' effective reading habits. *Library Philosophy and Practice (E-Journal)*.
- Chen. (2008). Who is the avid adolescent reader in Taiwan? The role of gender, family, and teacher. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 52(3)(November), 214–223. doi.org/10.1598/JA
- Chen, S. Y. (2009). Functions of reading and adults' reading interests. *Reading Improvement*, 108–117.
- Chew, F. P. (2012). Literacy among Secondary Schools Students in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 2(6), 546–550. doi.org/10.7763/IJSSH.2012.V2.168
- Cosner, S. (2011). Supporting the initiation and early development of evidence-based grade level collaboration in Urban Elementary Schools: key roles and strategies of principals and literacy coordinators. *Urban Education*, 46(4), 786–827. http://doi.org/10.1177/0042085911399932
- Cox, S. C. (2010). *Elementary principals' literacy practices and their relationship to student achievement in reading*. ProQuest Dissertations and Theses. Retrieved from <http://openurl.library.uiuc.edu/>
- Crum, K., Sherman, W. H., & Myran, S. (2009). Best practices of succesful elementary school leaders. *Journal of Educational Administration*, 48(1, 2009), 48–63. doi.org/10.1108/09578231011015412
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Education Limited
- Cuevas, J. A., Russell, R. L., & Irving, M. A. (2012). An examination of the effect of customized reading modules on diverse secondary students' reading comprehension and motivation. *Educational Technology Research and Development*, 60(3), 445–467. doi.org/10.1007/s11423-012-9244-7
- Dai, W. (2013). Correlates of the reading interest of Chinese High School students in International Schools. *Asian Social Science*, 9(3). http://doi.org/10.5539/ass.v9n3p164
- Dempster, N., Smith, C. W., & Johnson, G. (2014). Principals leading literacy in secondary schools. *HKPI Monograph Series (Vol. 53)*.
- Doepker, G. M., & Ortlieb, E. (2011). Preserving adolescent readership through interest and motivation. *International Journal of Education*, 3(1), 1–7.

- Eacott, S. (2012). "Leadership" and the social: time, space and the epistemic. *International Journal of Educational Management*, 27(1), 6–6. doi.org/10.1108/09513541311289846
- Edwards, J. M. (2010). *Dimensions of literacy leadership: An analysis of middle-level principals' literacy leadership proficiencies and student reading achievement*. The George Washington University. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses database.
- Fggella-luby, M. N., Ware, S. M., & Capozzoli, A. (2009). Adolescent Literacy — Reviewing Adolescent Literacy Reports: Key Components and Critical Questions. *Journal of Educational Research*, 41(453). doi.org/10.1080/10862960903340199
- Fayaz Ahmad Lone. (2011). Rural and Urban College Students in the 21st Century. *Library Philosophy and Practice (E-Journal)*, paper 586.
- Fox, D. K. (2010). *Middle level principals' perceptions of the adolescent literacy crisis: a qualitative study*. Graduate School University of Missouri-Columbia. ProQuest Dissertations and Theses. Retrieved from <http://openurl.library.uiuc.edu/>
- Guastella, L. A. (2004). *The relationship between leadership functions of Florida High School Principals and adolescent literacy*. University of Central Florida.
- Guthrie, J., Wigfield, A., & VonSecker, C. (2000). Effects of integrated instruction on motivation and strategy use in reading. *Journal of Educational Psychology*, 92(2), 331–341. doi.org/10.1037//0022-0663.92.2.331
- Hallinger, P., Bickman, L., & Davis, K. (2011). Principal leadership and student reading achievement. *The Elementary School Journal*, 96(5), 527–549.
- Hallinger, P. & Murphy, J. (1985). Characteristics of highly effective elementary school reading programs. *Educational Leadership*, 42, 39-42.
- Haslinda Husaini, R. A. A., & Shahrom T.M Sulaiman. (2011). *Reading habits and attitudes among students in secondary school* (Research Reports. Research Management Institute, Universiti Teknologi MARA.). Shah Alam. Retrieved from <http://eprints.uitm.edu.my/6445/>
- Haslinda Hussaini, Aziz, R. A., Mohd Sharif Mohd Saad, Dang Merduwati Hashim, & Mohd Fazli Baharuddin. (2012). The roles of school resource center in nurturing reading habits and attitudes among secondary school students. In *15th CONSAL General Conference* (pp. 1–11).
- Heri Hidayat, & Siti Aishah. (2013). Read interest co-relational with student study performance in IPS Subject Grade IV (Four) In State Elementary School 1 Pagerwangi Lembang. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 2(1).
- Herridge, R. L. (2013). *A multiple case study of literacy instructional leadership behaviors of elementary principals in North Carolina*. Retrieved from <http://repository.lib.ncsu.edu/ir/bitstream/1840.16/8446/1/etd.pdf>
- Hillard, L.C. & Guglielmino, L.M. (2007). Promoting reading improvement: A case study of exemplary elementary principals. *ERS Spectrum: Journal of Research and Information*. 25, 13 -23
- Hoewing, B. L. (2011). *Orientations of literacy leadership among elementary school principals: demographic and background trends*. The University of Iowa. Retrieved from <http://ir.uiowa.edu/etd/83>

- Huggins, K. S., Klar, H. W., Hammonds, H. L., & Buskey, F. C. (2016). Supporting leadership development: an examination of high school principals' efforts to develop leaders' personal capacities. *Journal of Research on Leadership Education*. doi.org/10.1177/1942775116658636
- Inderjit, S. (2014). Reading trends and improving reading skills among students in Malaysia. *International Journal of Reserch in Social Sciences*, 3(5), 70–81.
- Ismail, S. A., Dorner, D., & Oliver, G. (2011). Issues related to information literacy education in Malaysian Schools. *International Conference on Sosiality and Economics Development*, 10, 204–208.
- Irvin, J., Meltzer, J., Dukes, M. (2007). *Taking action on adolescent literacy : An implementation guide for school leaders*. Association for Supervision and Curriculum Development. Alexandria, Virginia USA.
- Kamal, M. A., & Normah Othman. (2012). Students' perception on the role of library and media teachers. *Journal of Educaional and Practice*, 3(8), 158–166.
- Karadag, E., Bektas, F., Çogaltay, N., & Yalcın, M. (2015). The effect of educational leadership on students achievement: a meta-analysis study. *Asia Pacific Education Review*, 16(1), 79–93. doi.org/10.1007/s12564-015-9357-x
- Kim, J. Y., & Anderson, T. (2011). Reading across the curriculum: a framework for improving the reading abilities and habits of college students. *Journal of College Literacy & Learning*, 37, 29–40.
- Lockard, S. A. (2013). *An analysis of the relationship between elementary principal self-efficacy and 5th grade reading achievement*. University of Maryland. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses database.
- Lucas, M. P. (2008). *Reading and the elementary principal: Implications for policy and practice*. University of Pittsburgh.
- Massey, S. L. (2012). Leadership in reading: Who are the literacy team players? *Illinois Reading Council Journal*, 40(3), 65–70.
- Matsumura, L. C., Sartoris, M., Bickel, D. D., & Garnier, H. E. (2009). Leadership for literacy coaching: the principal's role in launching a new coaching program. *Educational Administration Quarterly*, 45, 655–693. doi.org/10.1177/0013161X09347341
- Mcanuff-gumbs, M., & Verbeck, K. (2012). A Caribbean-Based Model of Literacy Leadership. *Carribbean Curriculum*, 19, 195–239.
- Meltzer, J., & Hamann, E. T. (2006). Literacy for English learners and learners and regular students , too. *Principal Leadership*, 6 (February), 22–27.
- Miller, S. J. (2012). *Literacy practices as predictors of reading achievement*. Middle Tennessee State University. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses database.
- Mohd Nazri Latiff Azmi. (2013). National Language Policy and its impacts on second language reading culture. *Journal of International Education and Leadership*, 3(1), 1–11.
- Munro, J. (2012). *Principals as leaders in literacy: A strategy for literacy improvement in primary school*. Australia. Retrieved from www.whatworks.edu.au

- Murphy, J. (2004). Leadership for literacy: a framework for policy. *School Effectiveness and School Improvement*, 15(1), 65–96.
- Nik Badrul Hisham Nik Ismail, & Mastura Mahfar. (2015). Sains humanika hubungan antara gaya kepemimpinan pengetua dengan motivasi. *Jurnal Sains Humanika*, 5(1), 9–18.
- Overholt, R., & Szabocsik, S. (2013). Leadership content knowledge for literacy : connecting literacy teachers and their principals. *The Clearing House: A Journal Of Educational Strategies, Issues And Ideas*, 86(2), 53–58. doi.org/10.1080/00098655.2012.742034
- Pandian, A. (2000). *A Study on Readership Behaviour among Multi-Ethnic, Multi-Lingual Malaysian Students*. Paper presented at the 8th International Literacy and Educational Research Network (LERN) University, Melbourne, July 5-9.169
- Pandian, A. (2011). How Malaysia reads : individual, homes and school initiatives. In *Thailand Conference on Reading 2011* (pp. 1–24). Thailand.
- Porter, M. L. S. (2001). *Reading instructional leadership: A survey of middle level principals in West Virginia Public School*. West Virginia University. Retrieved from <http://medcontent.metapress.com/index/A65RM03P4874243N.pdf>
- Rahimah Ahmad, & Ghavifekr, S. (2014). School leadership for the 21st century: a conceptual overview. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 2(1), 48–61.
- Raja Abdullah Yaakob. (2011). Achieving excellence through information literacy as part of innovative curriculum. *Jornal of Arts Science & Commerce*, 11(1), 1–10.
- Robinson, J. A. (2008). *Principals' perspectives on adolescent literacy implementation and support in secondary school: views through a sociocultural lens*. Utah State University. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses database.
- Shahrom TM Sulaiman, Haslinda Husaini, Sobariah Awang Mukhtar, & Mohd Zairul Masron. (2008). *Pemantapan budaya membaca dan pelaksanaan NILAM: Isu dan Cabaran*. Retrieved from versys.uitm.edu.my/prisma/view/viewPdf.php
- Shen, L. (2006). Computer technology and college students' reading habits. *Chian-Nan Annual Bulletin*, 32, 559–572.
- Shin, S.-H., Slater, C. L., & Backhoff, E. (2012). Principal perceptions and student achievement in reading in Korea, Mexico, and the United States: Educational leadership, school autonomy, and use of test results. *Educational Administration Quarterly*, 49(3), 489–527. doi.org/10.1177/0013161X12458796
- Spector, J. L., & Jay, A. B. (2011). *Leadership for Literacy in the 21st Century. 2011*. Retrieved from www.aleronline.org/resource/resmgr/files/aler_white_paper_on_literacy.pdf
- Spencer, K. (2010). Focused Literacy Leadership : Literacy is everyone's business. *Literacy Secretariat Government of South Australian*. Retrieved from <http://www.decs.sa.au/literacy>
- Sullivan, M. P. (2010). *Achievement effects of Sustained Silent Reading*. Liberty University. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses database.

- Thomas, B. M. (2010). *The literacy instructional leader : perceptions of the importance of areas, responsibility and use of literacy knowledge elementary principals need to lead an effective literacy program*. Ball State University, Indiana. Retrieved from Proquest Dissertations and Theses database.
- Torgesen. J., Houston. D., Rissman. L., Kosanovich. M., (2007). *Teaching all students to read in elementary school: A guide for principals*. NH: RMC Research Corporation. Center of Instruction
- Tovli, E. (2014). "The Joy of Reading": An intervention program to increase reading motivation for pupils with learning disabilities. *Journal of Education and Training Studies*, 2(4), 69–84. doi.org/10.11114/jets.v2i4.496
- Volk, K. (2008). *Leadership and reading: How principals' perceived knowledge of reading affects student achievement in Maryland Elementary and Middle schools*. Unpublished Doctoral Dissertation , College of Notre Dame of Maryland.
- Yah Awang Nik, Farok Zakaria, Azizah Hamzah, & Hasif Rafidee Hasbollah. (2012). Reading motivations and reading strategies employed by undergraduates in a Public University in Malaysia. In *6th International Technology, Education and Development* (pp. 2421–2427). Retrieved from [umkeprints.umk.edu.my/488/1/Paper 1.pdf](http://umkeprints.umk.edu.my/488/1/Paper%201.pdf)
- Yushiana Mansor, & Norhiyah Mohd Noor. (2011). Use of the School Resource Centre among Malaysian High School teachers. *Library Philosophy and Practice*, paper 588.